

05/11/1999

Bapa bela Norhayati (HL)

Norazmi Abdul Talib; Fazli Abdullah; Jalal Ali Abdul Rahim
KUALA LUMPUR, Khamis - Ketika bapa Norhayati Mohd Yusof merayu agar kisah lama anaknya, yang dikaitkan dengan bekas Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik tidak diungkit lagi, Pendek Ahmad mula berceramah atas pentas DAP bagi mempertahankan kenyataan mengenai cucunya itu.

Menghangatkan lagi isu ini, Dr Maamor Osman, yang dinamakan oleh Norhayati sebagai salah seorang yang mengajarnya berbohong, mendakwa dirinya 'dimanipulasi, diperguna, dan diperalatkan' tanpa disedari.

Bapa Norhayati, Mohd Yusof Bajuri, 51, berkata janganlah kisah lama diungkit semula kerana perkara yang berlaku sudah berlalu dan anaknya itu sendiri sudah menjelaskan perkara sebenar.

Malah, beliau percaya bekas mentuanya, Pendek, dipergunakan oleh pembangkang untuk kepentingan politik mereka apabila semalam menuduh Norhayati berbohong ketika menafikan hubungan sulit dengan Rahim.

"Mungkin dia tidak sedar kerana tidak berpelajaran tinggi, tetapi janganlah dirinya dijadikan alat politik.

"Saya harap Pendek juga janganlah kacau Norhayati kalau betul-betul sayangnya. Tolonglah jaga keharmonian keluarga dia," kata Mohd Yusof, ketika ditemui di rumahnya di Rembia, Melaka hari ini.

Dalam sidang akhbar di Melaka kelmarin, Norhayati menafikan pernah mempunyai hubungan sulit dengan Rahim dan meminta semua pihak tidak lagi mengungkit kisah lama dirinya atau mengganggu keluarganya.

Bagaimanapun semalam, Pendek serta bapa saudara Norhayati, Sabri Mohamad Yasin, dalam sidang akhbar yang diaturkan oleh DAP serta dihadiri oleh beberapa pemimpin pembangkang mempertikaikan kenyataan Norhayati.

Mohd Yusof berkata, Norhayati pernah memberitahunya dan isteri, Ramlah Mohd Shah, bahawa dia tiada apa-apa dengan Abdul Rahim.

"Dia ada bagi tahu hendak membuat pendedahan (kelmarin) tetapi saya tidak datang sebab kerja. Mungkin pada masa lalu, ada seseorang yang memaksa Norhayati bercakap bohong kerana ketika itu dia di bawah umur.

"Kalau orang mengajarnya tidak betul maka tidak betullah cakap Norhayati ketika itu. Ketika Norhayati hilang, puas saya cari dan pergi ke klinik tetapi tuan rumah kata dia tidak ada di situ dan saya tidak dapat buat apa-apa," katanya.

Norhayati adalah anak Mohd Yusof dengan isteri terdahulu, Sharifah Mohd Yatim yang meninggal dunia kerana sakit buah pinggang ketika Norhayati berusia dua bulan.

Mohd Yusof berkata, beliau membiayai segala perbelanjaan Norhayati ketika anaknya itu dibela oleh Pendek sehingga darjah enam.

"Selepas itu, Norhayati hendak tinggal dengan saya. Sebagai bapa, saya terima kerana kakak Norhayati juga duduk dengan saya," katanya.

Timbalan Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng, yang hadir pada sidang akhbar Pendek di Melaka semalam berkata, nenek Norhayati itu akan menjelajah ke seluruh negara mulai malam ini untuk meyakinkan orang ramai bahawa cucunya berbohong apabila menafikan mempunyai hubungan sulit dengan Rahim.

Pendek dijangka hadir pada ceramah DAP serta parti pembangkang di Pinggiran Batu Caves, di sini bagi menceritakan apa yang mereka dakwa sebagai 'kisah benar'.

"Pendek bersungguh-sungguh mahu menghadiri ceramah itu walaupun dia tua, lemah dan sakit," katanya ketika berucap pada ceramah DAP dan Keadilan di Dewan Serbaguna, Ipoh, malam tadi.

Sementara itu, Dr Maamor memberitahu sidang akhbar di sini petang ini, beliau tidak pernah mengajar Norhayati berbohong atau mereka cerita kononnya gadis itu ada hubungan sulit dengan Rahim.

Beliau yang juga Setiausaha Agung Persatuan Pengguna Islam menjelaskan, Norhayati hanya tinggal satu malam saja di kliniknya di Kampung Tasek Tambahan Ampang pada Ogos 1994, bukannya dua minggu seperti didakwa wanita itu dalam akuan berkanunnya.

Ditemani isterinya, Rohayah Abdul Rahman dalam sidang akhbar itu, Dr Maamor juga menafikan pernah membawa Norhayati menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Sesungguhnya, saya tidak tahu mengapa nama saya dikaitkan dalam sandiwara ini. Cuma yang dikesali ialah saya dimanipulasi, diperguna dan diperalat tanpa saya sedari.

"Saya adalah seorang mangsa tidak berdosa yang terperangkap dalam keadaan yang saya tidak tahu punca sebenarnya. Saya tidak melakukan apa-apa di luar undang-undang dan batas kemanusiaan," katanya.

Ketika diminta mengulas maksud dirinya dimanipulasi, diperguna dan diperalat, beliau berkata: "Biar masyarakat yang menilai dan membuat keputusan."

Dalam akuan berkanun bertarikh 2 September 1998, Norhayati, mendakwa dia diculik dari Melaka oleh gurunya, Zainal Amal dari Sekolah Menengah Datuk Dol Said, Alor Gajah dan disimpan selama dua minggu di klinik Dr Maamor di Ampang.

Norhayati mendakwa, selama dua minggu tinggal di klinik Dr Maamor, dia diajar dan dipaksa berbohong kepada Perdana Menteri dan pegawai polis bahawa dia mempunyai hubungan sulit dengan Abdul Rahim.

Dr Maamor menjelaskan, Zainal membawa Norhayati, yang diiringi kakak wanita itu, Maslina, menemui pada jam 5 petang, 15 Ogos 1994.

Keesokannya, beliau membawa Norhayati, yang mahu bertukar sekolah, berjumpa pengetua Sekolah Menengah Puteri Wilayah di Kampung Baru, dikenali sebagai Napisah.

"Selepas itu, Norhayati tinggal dengan kakaknya di Desa View Tower Taman Melawati," katanya.

Ditanya keadaan Norhayati ketika dibawa ke kliniknya, Dr Maamor menjelaskan gadis itu berada dalam keadaan tertekan dan kebingungan.

"Sebagai seorang doktor, saya memberikan bantuannya kepadanya. Saya menjalankan tugas saya sebagai doktor secara profesional, yang dilatih untuk menolong orang," katanya.

Bagaimanapun, beliau enggan menjelaskan lebih lanjut kerana ia adalah rahsia antara pesakit dengan doktor.

Mengenai perhubungannya dengan Zainal, Dr Maamor berkata, mereka adalah kawan yang sering bertemu, apa lagi kedua-duanya berasal dari Alor Gajah, Melaka.

"Kali akhir saya jumpa Zainal adalah semalam." katanya sambil menambah, beliau menyerahkan perkara itu kepada peguamnya, Datuk Daud Darus.

"Saya sudah meminta peguam saya meneliti perkara ini dan mengambil tindakan perlu untuk menjaga nama baik dan maruah saya," kata Dr Maamor.

(END)